KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## ISNIN, 17 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **SUSPECTED RAPE VICTIM HANDLING PROCEDURES NEED TO BE IMPROVED: NANCY** | |
| | https://www.thesundaily.my/local/suspected-rape-victim-handling-procedures-need-to-be-improved-nancy-CB11237948 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/988326/kpwkm-cadang-prosedur-pemeriksaan-mangsa-rogol-diteliti-semula | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/prosedur-kendali-mangsa-rogol-perlu-ditambah-baik-nancy-IB11237843 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/07/16/sops-for-handling-rape-victims-need-to-be-improved-says-nancy/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2206996 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/96356/let-rape-victims-get-medical-exams-without-lodging-police-reports-nancy | THEVIBES.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268512/berita/nasional/tambah-baik-prosedur-kendali-mangsa-rogol---nancy | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1127301/teliti-semula-prosedur-pemeriksaan-perubatan-mangsa-rogol | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/16/prosedur-kendali-mangsa-rogol-perlu-ditambah-baik-nancy/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/prosedur-kendali-mangsa-rogol-perlu-ditambah-baik-nancy-428339 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=vs29r4hl8rw | YOUTUBE |
| | https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/07/931529/suspected-rape-victim-handling-procedures-need-improvement-nancy | NST.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/16/suspected-rape-victim-handling-procedures-need-to-be-improved-says-nancy | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.theborneopost.com/2023/07/16/minister-delay-in-giving-medical-exam-to-suspected-rape-victim-a-case-of-communication-breakdown/ | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://merdeka.org/v2/procedures-for-handling-suspected-rape-victims-need-improvement-says-nancy/ | MERDEKA.ORG |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/16/nancy-shukri-delay-in-giving-medical-exam-to-suspected-rape-victim-in-sarawak-a-case-of-communication-breakdown/80038 | MALAYMAIL.COM |

17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **NANCY SHUKRI: CARE ECONOMY TO FEATURE IN NATIONAL DEVELOPMENT PLANNING** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/11/nancy-shukri-care-economy-to-feature-in-national-development-planning/79134 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **JALANI UJIAN HPV AWAL KESAN KANSER SERVIKS** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/16/jalani-ujian-hpv-awal-kesan-kanser-serviks | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **SARAWAK HAS HIGHEST INCIDENCE OF CERVICAL CANCER CASES IN THE COUNTRY, SAYS NANCY** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/07/16/sarawak-has-highest-incidence-of-cervical-cancer-cases-in-the-country-says-nancy/ | THEBORNEOPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SAUP YAYASAN ROSE NGUMPUL BELANJA** | |
| | https://suarasarawak.my/saup-yayasan-rose-ngumpul-belanja/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **VICTIM OF STALKER LODGES FRESH POLICE REPORT UPON THE ADVICE OF MINISTER** | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/07/931634/victim-stalker-lodges-fresh-police-report-upon-advice-minister | NST.COM.MY |

17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **YAKEB HULUR SUMBANGAN BUAT BALU ADNAN SAIDIN** | |
| | https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2023/07/1127285/yakeb-hulur-sumbangan-buat-balu-adnan-saidin | BHARIAN.COM.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/sport/67479-yakeb-hulur-bantuan-lebih-rm270-000-bantu-ahli | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/07/988379/yakeb-hulur-khairat-kematian-kepada-balu-raja-libas | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KEBAJIKAN WANITA JADI KEUTAMAAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268591/berita/nasional/kebajikan-wanita-jadi-keutamaan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **WARGA EMAS BERJAYA MEMOHON BANTUAN KEBAJIKAN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/16/warga-emas-berjaya-memohon-bantuan-kebajikan | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **GUGUR NIKOTIN SEBAGAI RACUN SAMA SEPERTI ABAI KANAK-KANAK, ZALIHA DIBERITAHU** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/16/gugur-nikotin-sebagai-racun-sama-seperti-abai-kanak-kanak-zaliha-diberitahu/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **KKM TUNGGU LAPORAN SIASATAN POLIS KANAK-KANAK 10 TAHUN MENINGGAL** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/16/kkm-tunggu-laporan-siasatan-polis-kanak-kanak-10-tahun-meninggal/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/672150 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kkm-tunggu-laporan-siasatan-polis-kanak-kanak-10-tahun-meninggal-OB11237999 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-tunggu-laporan-siasatan-polis-kes-kematian-kanakkanak-10-tahun-di-htar-428347 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/988262/kematian-dea-maisarah-kkm-tunggu-laporan-polis | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **BOT KARAM: OPERASI CARI KANAK-KANAK HILANG DITERUSKAN – MARITIM** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/16/bot-karam-operasi-cari-kanak-kanak-hilang-diteruskan-maritim/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/mayat-kanak-kanak-hilang-dalam-kejadian-bot-karam-ditemukan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **DUA KANAK-KANAK, GURU CEDERA KERETA REMPUH TASKA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1127350/dua-kanak-kanak-guru-cedera-kereta-rempuh-taska | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268553/berita/semasa/bayi-antara-3-mangsa-cedera-mpv-rempuh-dinding-taska | SINARHARIAN.COM.MY |

17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **DERA: JANGAN TANGKAP MUAT PILIH GURU TASKA, PENGASUH** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/dera-jangan-tangkap-muat-pilih-guru-taska-pengasuh/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **BAPA DURJANA MENGAKU 30 PERTUDUHAN ROGOL, CABUL 2 ANAK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/988344/bapa-durjana-mengaku-30-pertuduhan-rogol-cabul-2-anak | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **POLIS AKAN PANGGIL SAKSI KES GANGGUAN SEKSUAL JURULATIH DODGEBALL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/988280/polis-akan-panggil-saksi-kes-gangguan-seksual-jurulatih-dodgeball | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/16/polis-akan-panggil-saksi-bantu-siasatan-kes-gangguan-seksual-jurulatih-dodgeball/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://wartaoriental.com/2023/07/16/kbs-jumpa-pihak-terlibat-kes-gangguan-seksual-jurulatih-dodgeball-minggu-depan/ | WARTAORIENTAL.COM |
| | https://www.hotfm.audio/polis-akan-panggil-saksi-bantu-siasatan-kes-gangguan-seksual-jurulatih-dodgeball/ | HOTFM.AUDIO |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1127279/polis-akan-panggil-saksi-jurulatih-dodgeball-didakwa-laku-gangguan | BHARIAN.COM.MY |

17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **MAYAT BAYI ATAS LONGGOKAN SAMPAH** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1127344/mayat-bayi-atas-longgokan-sampah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268532/berita/semasa/mayat-bayi-baru-lahir-dalam-longgokan-sampah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/988350/mayat-bayi-dalam-longgokan-sampah | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/mayat-bayi-lahir-ditemukan-atas-longgokan-sampah/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-bayi-baru-lahir-ditemui-dalam-longgokan-sampah-428367 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/16/mayat-bayi-lelaki-baru-lahir-ditemui-dalam-longgokan-sampah/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **BAYI ENAM BULAN MAUT DISYAKI DIDERA PENGASUH \| BULETIN PAGI, 16 JULAI 2023** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=mNBik3XStLk | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **WANITA KETAKUTAN DIGANGGU WARGA ASING DALAM BAS** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/16/wanita-ketakutan-diganggu-warga-asing-dalam-bas/ | KOSMO.COM.MY |

17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **PEMILIK SALUN DIKOMPAUN, BENARKAN PEKERJA WANITA POTONG RAMBUT PELANGGAN LELAKI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/988425/pemilik-salun-dikompaun-benarkan-pekerja-wanita-potong-rambut-pelanggan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/16/kompaun-rm100-pekerja-wanita-potong-rambut-lelaki/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **HAWA DESAK KERAJAAN TELITI SEMULA PINDAAN MUDARATKAN KANAK-KANAK TERBUANG** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/16/hawa-desak-kerajaan-teliti-semula-pindaan-mudaratkan-kanak-kanak-terbuang/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **PEKERJA KEDAI LANGSIR PERKOSA REMAJA 13 TAHUN DIDAKWA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/16/pekerja-kedai-langsir-rogol-kanak-kanak-13-tahun-didakwa/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **SEORANG MAUT, TUJUH CEDERA NAHAS TIGA KENDERAAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268593/berita/semasa/seorang-maut-tujuh-cedera-nahas-tiga-kenderaan | SINARHARIAN.COM.MY |

17/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **IBU BAPA BAWA PERGI MUZIUM PENJARA, ANAK KETAGIH TELEFON 'INSAF'** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/16/ibu-bapa-bawa-pergi-muzium-penjara-anak-ketagih-telefon-insaf/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **'KENAPA TANGAN RAISYA TAK SAMA MACAM ORANG LAIN'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/988375/kenapa-tangan-raisya-tak-sama-macam-orang-lain | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **WARGA EMAS OKU HILANG SEJAK SELASA DITEMUI SELAMAT** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268597/berita/semasa/warga-emas-oku-hilang-sejak-selasa-ditemui-selamat | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/988502/warga-emas-oku-pendengaran-hilang-sejak-selasa-ditemukan-selamat | HMETRO.COM.MY |

TAJUK : DUA BUDAK, GURU CEDERA KERETA REMPUH TASKA

HARI : ISNIN | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 17 JUL 2023 | M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# Dua budak, guru cedera kereta rempuh taska

## Warga emas undur kenderaan tertekan pedal minyak langgar premis

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my



*Kenderaan yang mengundur merempuh sebuah taska di Kemaman.*
(Foto ihsan polis)

**Kemaman:** Dua kanak-kanak dan seorang guru taska cedera selepas sebuah kereta merempuh bangunan taska, di bandar Chukai, di sini semalam.

Kemalangan kira-kira jam 7.30 pagi menyebabkan Dhia Alisha Saffiya Mohd Faiz, tiga tahun dan Mohd Ilhasiq Azmi Mohd Ridwan, satu tahun; masing-masing cedera di muka serta kepala.

Guru taska, Nurul Ain Idris, 31, dilaporkan luka di bahagian mulut.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan, berkata kemalangan berlaku membabitkan Proton Exora dipandu warga emas berusia 72 tahun.

### Kereta hilang kawalan

Katanya, sebelum kejadian, pemandu kereta terbabit dikatakan mengundur kenderaan yang dipandunya itu untuk keluar dari rumahnya yang terletak di depan taska terbabit.

"Ketika mengundur keluar dari halaman rumahnya itu, mangsa dikatakan secara tiba-tiba tertekan pedal minyak sebelum hilang kawalan.

"Keadaan itu menyebabkan kenderaan yang dipandu mangsa melanggar bangunan taska terbabit dengan jarak kira-kira lima meter dari rumahnya," katanya.

Hanyan berkata, berikutan kejadian itu, ketiga-tiga mangsa yang cedera dihantar ke Hospital Kemaman dan mendapat rawatan di zon hijau hospital berkenaan.

"Pemandu kereta terbabit yang juga pesara tentera tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEPERITAN HIDUP TINGGAL DI RUMAH UZUR BERAKHIR | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Keperitan hidup tinggal di rumah uzur berakhir

## Suri rumah bersyukur dapat kediaman selesa menerusi PPKB KPKT

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my



*Akmal Nasrullah (tiga dari kiri) bersama Zaini (dua dari kiri) selepas majlis penyerahan rumah di Kampung Tanjung Baru, Jalan PCB, Kota Bharu, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Kota Bharu:** Keperitan hidup sebuah keluarga mendiami rumah uzur yang menunggu masa menyembah bumi dengan bumbung berlubang sejak 10 tahun lalu berakhir apabila menerima sebuah rumah baharu menerusi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Keluarga berkenaan yang diwakili, Zaini Abdullah, 57, seorang suri rumah bersyukur dengan bantuan berkenaan memberi keselesaan buatnya dan suami, Suhardi Sazali, 46, serta empat anak mereka.

Ibu kepada enam anak itu, berkata sebelum ini, mereka tinggal di rumah pusaka yang sudah uzur dan atapnya sering bocor apabila hujan.

"Ketika hujan kami terpaksa tidur dalam keadaan tidak selesa kerana kebanyakan atap bocor menyebabkan dalam rumah basah.

"Kami sebelum ini dibantu penduduk kampung untuk membaiki rumah, termasuk menukar bumbung dan papan, namun ia kembali bocor serta reput selepas beberapa tahun kerana kediaman ini sudah uzur.

"Alhamdulillah, kesusahan kami sudah berakhir apabila mendapat kediaman dari pihak kerajaan. Kalau mereka tidak bagi, kami tidak mampu untuk mendapatkan sebuah rumah yang selesa," katanya.

Zaini ditemui selepas menerima sebuah rumah dengan kelengkapan tiga bilik tidur dan dua bilik air yang disampaikan Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, di Kampung Tanjung Baru, Jalan PCB di sini, semalam.

Suri rumah itu yang mempunyai penyakit saraf sejak dua tahun lalu, berkata akibat kemiskinan, dia dan suami yang bekerja sebagai tukang rumah terpaksa menyerahkan anak kedua, Nurin, kepada orang lain untuk dijaga sejak bayi, selain anak sulung yang sudah berkahwin.

### Tambah harga siling

Sementara itu KPKT akan menambah harga siling program baik pulih dan bina baharu rumah di bandar menerusi PPKB bermula tahun depan.

Akmal Nasrullah berkata bagi pembinaan rumah, peruntukan dinaikkan daripada RM68,000 kepada RM85,000 dengan keluasan ditambah daripada 61.3 meter persegi kepada 69.7 meter persegi.

"Bagi membaik pulih rumah, peruntukan sebelum ini ditetapkan maksimum RM15,000 dan ia dinaikkan kepada RM20,000.

"Kenaikan harga siling ini akan bermula tahun depan dan ia bagi menambah baik program selepas dibincangkan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana ada yang memerlukan peruntukan besar berbanding sedia ada," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KKM DISARAN TELITI SEMYLA PROSEDUR PERUBATAN MANGSA ROGOL | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# KKM disaran teliti semula prosedur perubatan mangsa rogol

**Kuching:** Kementerian Kesihatan (KKM) disaran meneliti semula prosedur pemeriksaan perubatan bagi mangsa rogol.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata berdasarkan prosedur sedia ada, mangsa rogol perlu membuat laporan polis terlebih dahulu sebelum pemeriksaan perubatan dijalankan.

Katanya, prosedur itu perlu diteliti semula kerana ada mangsa yang trauma dan takut membuat laporan polis.

"Saya bukan mahu mencampuri urusan kementerian lain, tetapi sekadar menyarankan penambahbaikan dibuat dengan prosedur itu diteliti semula bagi memudahkan mangsa.

"Mangsa rogol yang trauma akan meminta pemeriksaan perubatan, tetapi dia tidak mahu membuat laporan polis terlebih dahulu sebab mungkin belum bersedia mendedahkannya kepada polis kerana malu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sebelum pelepasan peserta 'Sepeda Amal Borneo 2023' yang akan berbasikal sejauh 700 kilometer dari Kuching ke Bintulu di sini, semalam.

Oleh kerana laporan polis boleh dibuat dalam tempoh 72 jam, Nancy meminta KKM meneliti mangsa diberi pemeriksaan kesihatan terlebih dahulu.

"Terpulanglah kepada mangsa, sama ada ingin membuat laporan polis selepas pemeriksaan atau tidak," katanya.

Mengulas aduan seorang wanita yang tular di media pada 6 Julai lalu dan mendakwa dinafikan pemeriksaan perubatan Pusat Sehenti Krisis (OSCC) di sebuah hospital kerajaan di sini kerana tidak membuat laporan polis terlebih dahulu, Nancy berkata, ia berlaku akibat salah faham.

Katanya, wanita itu tidak faham apabila diminta membuat laporan polis kerana menganggap perlu ke balai yang agak jauh dari hospital terbabit.

"Pondok polis terletak bersebelahan dengan Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berkenaan dan wanita yang mendakwa menjadi mangsa rogol itu mungkin tidak tahu," katanya.

Sebelum ini, Pengarah Kesihatan Sarawak, Dr Ooi Choo Huck dalam satu kenyataan mengesahkan kejadian berlaku kira-kira jam 10.30 malam, 5 Julai lalu.

Katanya, pegawai perubatan bertugas sudah membuat pemeriksaan meliputi pengambilan sejarah kejadian dan pemeriksaan tanda vital.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KKM TUNGGU LAPORAN POLIS | | |
| HARI : | ISNIN | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 17 JUL 2023 | M/SURAT : | 14 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |


Kes kematian Dea Maisarah

# KKM tunggu laporan polis

## Semua pihak perlu bertenang, punca kejadian masih disiasat

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my




*Dr Zaliha menyempurnakan pelepasan Mobilisasi Jururawat selepas merasmikan Program Madani Afiat dan Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang UEPE, Taman Ria Jaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Sungai Petani:** Kementerian Kesihatan (KKM) masih menunggu laporan polis berhubung kematian seorang kanak-kanak perempuan 10 tahun yang didakwa akibat kecuaian pihak Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di Klang, Selangor baru-baru ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata sementara menunggu laporan polis, semua pihak perlu bertenang dan siasatan sedang dilakukan bagi mengetahui punca kejadian.

Beliau berkata, pihak juga perlu mendapatkan maklumat terperinci sebelum dapat mengulas lanjut berhubung perkara itu.

"Saya tak nak cakap lebih-lebih kerana kes itu sudah menjadi kes polis sebelum tindakan dilakukan," katanya pada sidang media Program Madani Afiat dan Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang UEPE, Taman Ria Jaya, di sini semalam.

### Dengar perkara sebenar

Dalam pada itu, Dr Zaliha menasihatkan semua pihak mendengar perkara sebenar daripada pihak yang terbabit contohnya Pengarah Kesihatan Negeri dan sebagainya sebelum menularkan di media sosial.

"Saya minta masyarakat lebih berhati-hati dan mendapatkan sumber yang betul serta jangan menyebarkan perkara tidak baik terutama di media sosial," katanya.

Media sebelum ini melaporkan kematian Dea Maisarah Bada ketika mendapatkan rawatan di HTAR.

Dalam rakaman video di TikTok @catloverscatlovers, Bada Hussein, menjelaskan kronologi mengenai apa yang berlaku ke atas anaknya yang berusia 10 tahun pada hari kejadian.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT BAYI BARU LAHIR ATAS LONGGOKAN SAMPAH | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mayat bayi baru lahir atas longgokan sampah

**Lahad Datu:** Mayat bayi lelaki dipercayai baru dilahirkan ditemui atas longgokan sampah di tempat pembuangan di sini, malam kelmarin.

Mayat bayi berbalut sehelai kemeja kelabu itu ditemui kira-kira jam 11.30 malam.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dr Rohan Shah Ahmad, berkata mayat ditemui pemandu lori warga tempatan berusia 44 tahun ketika memungut sampah di kawasan berkenaan.

"Lelaki terbabit adalah pemandu lori kontraktor pembersihan yang ketika itu memungut sampah di kawasan berkenaan.

"Mayat bayi itu ditemui atas longgokan sampah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, sepasukan pegawai dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu diarah ke lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan.

"Mayat dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Lahad Datu bagi proses bedah siasat manakala kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan membuang mayat secara sulit," katanya.

Rohan Shah berkata, pihaknya sedang mengesan suspek kejadian itu dan oramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi Hotline IPD Lahad Datu di talian 089-881255 atau pegawai penyiasat kes Inspektor Sophie Thomas Kasau di talian 013-9392505.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan membuang mayat secara sulit"



***Rohan Shah Ahmad,***
*Ketua Polis Daerah Lahad Datu*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMILIK SALUN BENAR PEKERJA WANITA POTONG RAMBUT LELAKI DIKOMPAUN | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pemilik salun benar pekerja wanita potong rambut lelaki dikompaun

**Kota Bharu:** Seorang pemilik kedai salun rambut wanita dikompaun RM100 kerana melanggar undang-undang kecil Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) apabila membenarkan pekerja wanita memotong rambut pelanggan lelaki.

Kejadian berlaku di premis di bandar ini minggu lalu ketika operasi MPKB, sebulan selepas pemilik sebuah butik didenda pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana berpakaian tidak sopan.

Pengerusi Gabungan Pertubuhan Tiong Hua Kelantan, Datuk Oie Poh Choon, berkata pemilik salun berkenaan sudah membayar denda empat hari lalu selepas didapati melanggar undang-undang kecil MPKB.

"Saya sudah menemani wanita itu ke pejabat MPKB untuk menjelaskan denda dan dia juga mengaku melakukan kesalahan itu.

"Dia mengakui kesilapannya dan mendakwa terlupa peraturan itu," katanya.

Beliau berkata, menerusi undang-undang kecil di bawah garis panduan lesen perniagaan MPKB menyatakan bahawa pendandan rambut wanita bukan Islam tidak dibenarkan menawarkan perkhidmatan gunting rambut kepada mana-mana orang Islam yang berlainan jantina.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PROGRAM TINGKAT LITERASI KESIHATAN WANITA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Program Ladies Care Corner mendapat sambutan pelajar wanita di kampus Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UMS.*

# Program tingkat literasi kesihatan wanita

**Kota Kinabalu:** Kesedaran mengenai kesihatan wanita perlu dipertingkatkan selain membasmi isu kemiskinan haid yang sebelum ini hangat diperkatakan.

Bagi tujuan itu, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program Ladies Care Corner yang menyasarkan pelajar wanita di kampus universiti berkenaan.

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS, Prof Dr Mohammad Saffree Jeffree, program itu sebagai usaha menyahut seruan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini yang berusaha menangani isu kemiskinan haid.

Katanya, penganjuran bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kesihatan wanita.

"Program ini diharap dapat membentuk jaringan antara universiti dan masyarakat sejagat dengan membantu meningkatkan literasi kemiskinan haid," katanya.

Turut diadakan sempena acara itu adalah pengagihan tuala wanita percuma di semua kolej kediaman induk UMS serta meletakkan beberapa fasiliti agihan tuala wanita di beberapa lokasi strategik seperti di perpustakaan serta sekitar dewan kuliah.

Mohammad Saffree berkata, program yang berlangsung selama hampir sebulan ini akan diadakan dalam tiga siri.

Katanya, siri pertama dijalankan secara dalam talian yang menampilkan penceramah terkemuka dalam bidang masing-masing, manakala siri kedua memfokuskan kepada pengagihan tuala wanita di semua kolej kediaman serta beberapa lokasi strategik.

"Siri tiga pula lebih fokus kepada usaha dalam menonjolkan potensi dalam bidang keusahawanan," katanya.

Beliau berharap mesej yang disampaikan melalui penganjuran program itu dapat menjadi satu lonjakan kepada lebih banyak gerakan untuk menangani isu berkenaan secara lebih serius.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI MAUT DIDERA, IBU BAPA BEKERJA DI AUSTRALIA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bayi maut didera, ibu bapa bekerja di Australia

**Ipoh:** Seorang bayi perempuan berusia enam bulan meninggal dunia akibat disyaki didera ketika di bawah jagaan pengasuhnya di Taman Tawas Indah di sini.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Yahaya Hassan, berkata bayi malang itu menghembuskan nafas terakhir petang Jumaat di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) selepas dua hari berada dalam keadaan koma.

"Bayi itu dibawa ke hospital oleh pengasuhnya Rabu lalu menggunakan ambulans selepas dilihat tidak bermaya," katanya.

Beliau berkata ketika pemeriksaan, pihak hospital mendapati bayi itu berada dalam keadaan koma selain terdapat kesan lebam di badan akibat didera.

Katanya, hasil bedah siasat yang dijalankan mendapati punca kematian mangsa kecederaaan di kepala akibat objek tumpul.

Menurutnya, susulan itu, polis menahan pengasuh itu, seorang wanita tempatan berusia 52 tahun pada Khamis lalu dan direman empat hari bermula Jumaat sehingga hari ini.

Katanya, kes diklasifikasikan sebagai kes bunuh dan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Berdasarkan siasatan, suspek menjaga bayi terbabit sejak Mac lalu kerana kedua ibu bapa mangsa bekerja di Australia," katanya.


YAHAYA

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JUMPA BAYI ATAS LONGGOKAN SAMPAH | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



ANGGOTA polis menunjukkan lokasi mayat bayi yang ditemui atas longgokan sampah di kawasan Fajar, Lahad Datu.

# Jumpa bayi atas longgokan sampah

**Lahad Datu:** Mayat bayi lelaki yang dipercayai baru dilahirkan ditemui di atas longgokan sampah di tempat pembuangan sampah di kawasan Fajar di sini, malam kelmarin.

Mayat dibalut menggunakan sehelai baju kemeja warna kelabu ditemui jam 11.30 malam.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dr Rohan Shah Ahmad berkata, mayat bayi itu ditemui oleh pemandu lori warga tempatan berusia 44 tahun ketika sedang memungut sampah di kawasan berkenaan.

"Lelaki itu adalah pemandu lori kontraktor pembersihan sampah yang ketika itu sedang memungut sampah.

"Mayat bayi itu dibalut dengan menggunakan kemeja perempuan berwarna kelabu dan bergaris yang diletakkan di longgokan sampah," katanya.

Beliau berkata, susulan kejadian itu, sepasukan pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu ke lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI MENGAKU BERLAKU KEJI! | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

KES BAPA NODA DUA ANAK KANDUNG

# Lelaki mengaku berlaku keji!

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

Seorang pekerja pembersihan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 30 pertuduhan merogol dan amang seksual fizikal terhadap dua anak kandungnya sejak 2017.

Tertuduh berusia 53 tahun membuat pengakuan itu sebaik semua pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Lelaki terbabit berhadapan dengan 19 pertuduhan rogol dan 11 amang seksual fizikal terhadap dua anak kandung berusia 12 dan 16 tahun dengan seorang daripada mereka disahkan hamil.




TERTUDUH diiringi anggota polis di pekarangan mahkamah selepas mengaku bersalah merogol dua anak kandung hingga seorang daripadanya hamil. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan terkutuk itu sejak 2017 ketika seorang mangsa berusia 10 tahun dengan kejadian terakhir berlaku pada 4 Julai lalu membabitkan dua lokasi berasingan di Jeram dan Bakri di sini.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan 10 kali sebatan.

Bagi Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan.

Mengikut fakta kes, perbuatan jijik tertuduh terbongkar apabila mangsa berusia 16 tahun mengadu sakit dada sebelum menjalani pemeriksaan di hospital namun doktor merawatnya mendapati dia hamil.

Susulan itu, satu laporan polis dibuat dan tertuduh ditahan Sabtu lalu.

Dalam pada itu, Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir memohon mahkamah menetapkan satu tarikh bagi membolehkan pihaknya melengkapkan fakta kes serta tidak menawarkan jaminan terhadap tertuduh yang tidak diwakili peguam itu.

Mahkamah kemudian menetapkan 8 Ogos depan untuk menjatuhkan hukuman serta memerintahkan supaya tiada jaminan diberikan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PANGGIL JURULATIH DODGEBALL TERBABIT GANGGUAN SEKSUAL | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Panggil jurulatih dodgeball terbabit gangguan seksual

**Petaling Jaya:** Polis akan memanggil jurulatih dodgeball yang didakwa melakukan gangguan seksual membabitkan beberapa murid di sebuah sekolah rendah di Damansara dekat sini.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan berkata, kertas siasatan sudah dibuka mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak.

"Kita akan panggil semua pihak yang terbabit dalam kejadian itu dalam masa terdekat bagi dirakam percakapan.

"Buat masa ini, kita belum menahan jurulatih itu lagi dan akan memanggil saksi untuk membantu siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Khamis lalu, media melaporkan jurulatih itu didakwa menanggalkan seluar murid, mencubit puting dada murid lelaki dan menyuruh murid perempuan merangkak di celah kangkang.

Terdapat laporan polis dibuat terhadapnya pada 26 Jun lalu antara lain turut menyatakan jurulatih terbabit bertindak mengacah untuk menjatuhkan kayu di atas bahagian kemaluan seorang murid lelaki.

Sebelum itu, Presiden

**"Kita akan panggil semua pihak yang terbabit dalam kejadian itu dalam masa terdekat bagi dirakam percakapan. Buat masa ini, kita belum menahan jurulatih itu lagi dan akan memanggil saksi untuk membantu siasatan"**

Persatuan Dodgeball Malaysia (MAD) Datuk N Radhakrishnan dilaporkan berkata, pihaknya menerima aduan daripada Biro Kokurikulum Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

Beliau dilaporkan berkata, siasatan mendapati lesen kejurulatihan individu itu ditamatkan pada 11 Jun 2021 atas kesalahan menggunakan sijil kejurulatihan tahap dua yang tidak wujud.

Radhakrishnan menasihati mana-mana sekolah atau institusi merujuk pihak persatuan bagi mengelak menggunakan khidmat individu tidak bertauliah selain mencegah kejadian tidak diingini seumpama itu berulang.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK PERNAH KATA ANAK ANGKAT! | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |


Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

# Tak pernah kata anak angkat!

## *Wanita Tionghua hargai jasa dan kasih sayang pasangan Melayu yang menjaganya sejak kecil*

**Merlimau**

"Sepanjang saya hidup 27 tahun ini, belum pernah saya mendengar arwah ibu dan ayah mengatakan saya anak angkat walau macam mana pun mereka marah pada saya," kata Salinah Adelinah Abdullah.

Menurutnya, mereka menjaga dirinya dengan penuh kasih sayang walaupun bukan anak kandung mereka dan berlainan agama.

Katanya, pengorbanan mereka tidak dapat dia balas biarpun dengan nyawa.

Salinah Adelinah, 27, wanita Tionghua yang mendapat perhatian di TikTok baru-baru ini, apabila berkongsi kisah hidupnya yang dijaga ibu bapa angkat berbangsa Melayu sejak berusia sehari dan akhirnya memilih Islam.

Menurutnya, dia terhutang budi dan nyawa dengan Saripah Abu Adam dan Ahmad Mohammed Tahir, 68, yang juga orang kurang upaya (OKU) fizikal kerana mengambilnya sebagai anak angkat tanpa melihat perbezaan agama dan bangsa.

Menurutnya, dia kemudiannya terbuka hati memeluk Islam ketika berusia 13 tahun dengan kerelaan sendiri dan turut mendapat kebenaran keluarga kandungnya.

"Saya dilahirkan di Kuala Lumpur dan ketika itu ibu berniaga kantin di sebuah kilang. Mereka tidak mempunyai anak dan ketika itu sahabat baik mereka memberitahu mengenai saya.

"Mereka kemudian mengambil saya di sebuah rumah di Ampang (Selangor) dan jika ibu serta ayah tidak ambil saya, nenek akan menjaga saya.

"Atas kebenaran keluarga kandung saya, ibu dan ayah mendaftarkan saya sebagai anak angkat mereka dan kemudian kami berpindah ke Merlimau," katanya ketika dihubungi, semalam.

Eksekutif jualan telefon itu berkata, ibunya sudah meninggal dunia kerana kanser tahap empat dan dia kini masih tinggal bersama bapanya di rumah mereka, malah sangat bersyukur suami juga sudi menerima serta menjaga bapanya.

"Sepanjang usia mereka saya adalah keutamaan mereka walaupun saya bukan daripada keturunan mereka.

"Segala keperluan dan pendidikan saya diberikan dengan baik, malah kalau tiada mereka mungkin saya tidak mengenal Islam.

"Saya masih ingat pada 2013, ibu yang sudah tidak berniaga kerana masalah kesihatan sanggup keluarkan duit syiling demi memenuhi kemahuan saya yang mahu makan nasi ayam dan cendol.

"Demi mereka saya juga sanggup melepaskan peluang bergelar tentera biarpun ketika itu saya sudah berjaya dalam pemilihan pada 2017 kerana ibu dan ayah jatuh sakit.

"Ibu menghembuskan nafas terakhir pada tahun yang sama juga tetapi saya bersyukur dapat menguruskan mereka biarpun cita-cita menjadi tentera tidak tercapai," katanya.

Salinah Adelinah berkata, walaupun dia memilih Islam dan terus bersama keluarga angkatnya sehingga kini, namun hubungannya dengan keluarga kandung masih baik.

"Hubungan kami tidak pernah putus dan beberapa ahli keluarga seperti mak cik saya juga memeluk Islam. Arwah ibu dan ayah juga tidak pernah menafikan keluarga kandung saya dan tidak pernah melarang saya berjumpa mereka," katanya.


SALINAH Adelinah (kanan) bersama arwah ibu dan bapa angkatnya.


SALINAH Adelinah (tengah) bersama ayah kandung (kiri) dan ayah angkatnya (kanan). - Gambar ihsan Salinah Adelinah

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK PERNAH LULUS PERAGAAN 'RATU PONDAN' | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tak pernah lulus peragaan 'ratu pondan'

**Melaka:** Kerajaan negeri tidak akan memberikan kelulusan terhadap permohonan penganjuran peragaan 'ratu pondan' yang didakwa akan diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini, bulan ini.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Melaka Datuk Rahmad Mariman berkata, setakat ini belum ada permohonan daripada penganjur bagi membolehkan mereka mengadakan majlis itu diterima selain pihaknya hanya mengetahui hal terbabit menerusi media sosial.

"Permohonan belum lagi dihantar oleh penganjur tetapi kita ke arah untuk batalkan, saya tidak benarkan.



"Saya difahamkan penganjuran itu adalah dari pihak luar," katanya.

Rahmad berkata, Jabatan Agama Islam Melaka (Jaim) akan memanggil penganjur program pada minggu ini bagi menjalankan siasatan berhubung dakwaan penganjuran itu.

> *Setakat ini belum ada permohonan daripada penganjur bagi membolehkan mereka mengadakan majlis itu diterima selain pihak kami hanya mengetahui hal terbabit menerusi media sosial"*
>
> **Rahmad Mariman**

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit mengesahkan ada menerima laporan berhubung penganjuran program terbabit.

"Hanya satu laporan diterima yang dibuat di Balai Polis Banda Hilir pada 12 Julai lalu dan kita sudah merujuk hal ini kepada Jaim," katanya dalam satu kenyataan.

Terdahulu, poster penganjuran itu yang dijangka berlangsung pada 23 Julai ini tular dan mendapat reaksi pelbagai pihak yang kurang bersetuju dengan program berkenaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUNGGU LAPORAN PENUH POLIS | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

**SUSULAN KEMATIAN BUDAK 10 TAHUN DIDAKWA AKIBAT KECUAIAN HOSPITAL**

# Tunggu laporan penuh polis

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

**Sungai Petani**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap semua pihak terbabit berhubung kematian seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun yang didakwa akibat kecuaian pihak hospital di Selangor, baru-baru ini bertenang sementara polis melengkapkan siasatan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, pihaknya masih menunggu laporan penuh daripada polis dan berharap semua pihak bertenang dan siasatan sedang dilakukan untuk mengetahui punca kejadian berlaku.



BADA menjelaskan kronologi mengenai apa yang berlaku ke atas anaknya di media sosial.



*"Saya minta masyarakat hati-hati dan mendapatkan sumber betul serta jangan sebar perkara tidak baik terutama di media sosial"*

**Dr Zaliha**

Beliau berkata, pihak juga perlu mendapatkan maklumat terperinci daripada semua pihak terbabit sebelum mengulas lanjut berhubung perkara itu.

"Saya tak nak cakap lebih kerana kes itu menjadi kes polis sebelum tindakan dilakukan," katanya pada Program Madani Afiat dan Majlis Perasmian Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang UEPE, semalam.

Dr Zaliha menasihatkan semua pihak mendengar perkara sebenar daripada pihak yang terbabit contohnya Pengarah Kesihatan Negeri dan sebagainya sebelum menularkan di media sosial

"Saya minta masyarakat lebih berhati-hati dan mendapatkan sumber yang betul serta jangan menyebarkan perkara tidak baik terutama di media sosial," katanya.

Media sebelum ini melaporkan kematian seorang kanak-kanak perempuan, Dea Maisarah Bada, 10, ketika mendapatkan rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang, Selangor, baru-baru ini.

Dalam rakaman video di TikTok @catloverscatlovers, Bada Hussein menjelaskan kronologi mengenai apa yang berlaku ke atas anaknya yang berusia 10 tahun pada hari kejadian.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA ENAS, ANAK DITUDUH PERKOSA GADIS DALAM KERETA | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 JUL 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas, anak dituduh perkosa gadis dalam kereta



WARGA emas berkerusi roda bersama anak (berbaju kuning) dituduh melakukan perbuatan enam tahun lalu.

**Muar:** "Orait..orait...bagus," kata seorang lelaki warga emas ketika gambarnya dirakam sebaik dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan bersama anaknya merogol seorang remaja dalam kereta di Kluang, enam tahun lalu.

